

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/bukan-saja-ijazah-kejuruteraan-tetapi-juga-lesen-juruterbang-163898>

**Bukan saja ijazah kejuruteraan, tetapi juga lesen juruterbang!**

[Awani Rangers UTHM](#), Astro Awani | Disember 25, 2017 18:56 MYT



**KAMILAH - Inilah program pertama seumpamanya di Asia – Foto Awani Rangers UTHM**

**BATU PAHAT: Seramai 12 graduan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Berjaya ditawarkan kerja di Malaysia Airlines Berhad (MAB).**

**Menurut Pensyarah Kejuruteraan Aeronautik UTHM, Dr Kamilah Yusuf, kesemua mereka Berjaya dalam temuduga yang ditetapkan kerana ilmu yang mendalam serta kefahaman tinggi mengenai kejuruteraan pesawat.**

**"Ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar kami sekaligus menjadikan mereka bukan sahaja mampu mengendalikan pesawat, tetapi juga faham mengenai kejuruteraan pesawat itu sendiri," katanya.**

**Pada masa yang sama katanya, modul pembelajaran yang digariskan bertepatan dengan kehendak industry mendorong mahasiswa sentiasa di hadapan dan tidak ketinggalan dengan arus perubahan dalam sector penerbangan awam.**

**Kesemua mereka merupakan lulusan Program Kejuruteraan Aeronautik UTHM di bawah dua jabatan iaitu Kejuruteraan Aeronautik Penerbangan Profesional dan Kejuruteraan Aeronautik Penyelenggaraan Pesawat.**

**\*Laporan ini disediakan oleh Awani Rangers ,Anbia Adam dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)**

**\*\*Awani Rangers ialah inisiatif Astro Awani bagi menggalakkan pelajar Institut Pengajian Tinggi untuk berkongsi cerita serta menghasilkan bahan berita dan informasi dalam era kewartawanan moden.**

**\*\*Awani Rangers UTM ialah inisiatif kerjasama strategic Astro AWANI dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).**